

1

BAHAGIAN A: OBJEKTIF: 40 SOALAN (40 MARKAH)
JAWAB SEMUA SOALAN PADA BORANG JAWAPAN YANG DISEDIAKAN

1. Dalam konteks yang lebih luas, ruang lingkup geografi dan politik masyarakat Melayu tradisional (MMT) ditafsirkan sebagai meliputi
 - a. Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura
 - b. Malaysia dan Borneo
 - c. Segenting Kra hingga ke selatan Filipina
 - d. Kepulauan Indonesia

2. Mengapakah kerajaan Melayu Melaka menjadi asas apabila kita membicarakan mengenai kerajaan dalam MMT?
 - a. Permulaan sebuah kerajaan Melayu
 - b. Permulaan sebuah kerajaan Islam
 - c. Permulaan ketamadunan Melayu yang bersistem
 - d. Permulaan sebuah empayar Melayu

3. Berikut ialah kenyataan mengenai MMT **KECUALI**
 - a. kewujudan konsep negara-
 - b. kekuatan kerajaan diukur melalui keluasan wilayah
 - c. masyarakat terbahagi kepada dua iaitu golongan pemerintah dan golongan rakyat
 - d. penempatan utama adalah di sepanjang sungai dan laut

4. Pilih kenyataan yang **TIDAK** berkaitan berkenaan dengan faktor kebangkitan orang Melayu menentang Inggeris antara tahun 1824 hingga 1927.
 - a. Kedatangan orang Cina dan India
 - b. Dasar cukai
 - c. Penyebaran agama Kristian
 - d. Dasar 'pecah-perintah' Inggeris

5. Apakah senario yang telah wujud akibat dari berkembangnya idea-idea baru yang di-kembangkan oleh golongan reformis Kaum Muda ?
 - a. Berlaku pertelingkahan antara golongan nasionalis Islam dan nasionalis radikal
 - b. Mereka telah ditangkap oleh pihak British atas dakwaan cuba menentang penjajah
 - c. Wujud pertentangan pendapat antara Kaum Muda dengan kumpulan konservatif Islam
 - d. Penubuhan maktab-maktab Islam untuk menyaingi institusi-institusi pengajian yang mengamalkan sistem pendidikan Barat

6. "Pada awal abad ke 20, segelintir anak-anak Melayu telah berpeluang untuk mendapat pendidikan rendah di sekolah-sekolah Melayu yang serba kekurangan dan diajar oleh guru-guru yang bergaji rendah dan tidak mendapat latihan yang secukupnya." Apakah strategi British dalam soal ini?
- Hanya untuk menjadikan anak-anak Melayu sekadar sebagai pemandu, petani dan nelayan yang pandai membaca serta mereka yang boleh membuka kedai-kedai runcit
 - Hanya untuk memenuhi tuntutan para pemimpin masyarakat Melayu pada masa itu mengenai pendidikan bangsa Melayu
 - British tidak mahu orang Melayu lebih pandai dari kumpulan imigran di negara ini
 - Supaya anak-anak Melayu lebih memilih untuk belajar di sekolah-sekolah Inggeris dan bukannya di sekolah-sekolah Melayu
7. Inggeris menggalakkan penubuhan sebuah parti politik di kalangan masyarakat Cina pada tahun 1952 dengan tujuan untuk
- Menyekat sokongan mereka terhadap Parti Komunis Malaya
 - Menyaingi peranan UMNO dalam politik Tanah Melayu
 - Menarik orang-orang Cina seberang laut untuk bekerja di Tanah Melayu
 - Sebagai saluran kepada masyarakat Cina dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu
8. Apakah sebab-sebab yang mendorong Singapura untuk menyertai Malaysia?
- Keuntungan ekonomi
 - Mengawal perkembangan komunis
 - Terlepas dari pajakan Inggeris yang akan berlangsung selama 100 tahun
 - Mendapatkan kemerdekaan dari Inggeris
- i dan ii
 - ii dan iii
 - i, ii dan iv
 - ii, iii dan iv

9. Berikut ialah kenyataan yang betul mengenai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong
- i Meluluskan semua keputusan atas nasihat Perdana Menteri
 - ii Berkuasa mengampunkan semua kesalahan yang dijatuhkan oleh semua mahkamah di negara ini
 - iii Sebagai lambang kedaulatan dan perpaduan negara
 - iv Sebagai ketua angkatan tentera Malaysia dan ketua agama Islam di Pulau Pinang dan Melaka
- a. i, ii dan iii
 - b. i dan iii
 - c. i, iii dan iv
 - d. ii, iii dan iv
10. Apakah faktor penyebab yang **PALING PENTING** terhadap penubuhan Parti Kemerdekaan Tanah Melayu?
- a. Dato' Onn tidak bersetuju dengan kerjasama UMNO-Inggeris dalam menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu 1948
 - b. Pejuang-pejuang kemerdekaan mencadangkan supaya wujud sebuah parti politik lain sebagai satu alternatif bagi penduduk di Tanah Melayu
 - c. Masyarakat Cina yang diketuai oleh Tan Cheng Lock telah bekerjasama dengan Dato' Onn untuk menubuhkan sebuah parti politik
 - d. Dato' Onn tidak bersetuju dengan dasar keahlian UMNO yang hanya terhad kepada orang Melayu
11. Apakah yang menjadi rujukan **UTAMA** dalam pembentukan Perlembagaan Malaysia 1963?
- a. Laporan Suruhanjaya Reid
 - b. Laporan Suruhanjaya Cobbold
 - c. Perlembagaan Malaysia 1957
 - d. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948
12. Pilih pemimpin yang digelar sebagai "Bapa Pembangunan Malaysia".
- a. Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman
 - b. Tun Abdul Razak bin Dato' Hussin
 - c. Tun Hussein Onn
 - d. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad

13. Siapakah yang telah mewakili Indonesia dalam perjanjian penamatan konfrontasi dan pemulihan hubungan Indonesia-Malaysia di Bangkok pada tahun 1966?
- Mohd Hatta
 - Suharto
 - Tun Adam Malik
 - Drs. Subandrio
14. _____ merupakan pihak yang telah berjaya menguasai sebahagian dari Tanah Melayu sebelum ketibaan semula tentera British di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua pada tahun 1945.
- Bintang Tiga
 - British Military Administration (BMA)
 - Malayan Peoples Anti- Japanese Army (MPAJA)
 - Angkatan Tentera Melayu
15. Berikut adalah faktor **UTAMA** yang telah menyebabkan perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM) gagal mendapat sokongan dari orang Melayu.
- Dominasi oleh orang Cina dalam PKM
 - Ideologi komunis yang anti-agama
 - Propaganda yang telah dilancarkan oleh kerajaan British
 - Tidak ada pemimpin Melayu yang terlibat dalam PKM
16. Apakah kesan yang paling **PENTING** yang telah dibawakan oleh penjajah British dalam tempoh penguasaan mereka ke atas Tanah Melayu ?
- Kewujudan masyarakat majmuk
 - Pengenalan sistem pendidikan bercorak vernakular
 - Pengembangan agama Kristian
 - Keruntuhan sistem feodal dalam masyarakat Melayu tradisi
17. Pilih perkara-perkara asas yang telah menjadi teras perlembagaan negara kita yang juga merupakan perjuangan gerakan kebangsaan Melayu terdahulu.
- Undang-undang Islam- Mahkamah Syariah- Undang-undang pentadbiran
 - Kuasa politik- Kuasa ekonomi- Jawatan pentadbiran
 - Institusi beraja- Agama Islam- Bahasa Melayu
 - Jemaah menteri- Kabinet- Kementerian

18. Pilih **KENYATAAN YANG SALAH** mengenai kemerdekaan Malaysia yang telah dicapai pada 31 Ogos 1957.
- Orang Melayu secara keseluruhannya telah berjuang menentang penjajah lebih dari 6 dekad
 - Merupakan perjuangan serta pengorbanan khususnya pemimpin-pemimpin Melayu sebelumnya
 - Hasil persefahaman politik Melayu dengan bukan Melayu
 - Perjuangan untuk mencapai kemerdekaan ini atas dorongan pihak British
19. Pemberontakan yang dilakukan oleh pihak Komunis di dalam peristiwa Darurat pada tahun 1948 hingga 1960 telah menimbulkan beberapa masalah utama kepada kerajaan Malaysia iaitu
- kebudayaan
 - keselamatan
 - perpaduan antara kaum
 - masalah ekonomi
- i dan ii
 - ii dan iii
 - iii dan iv
 - i , ii , iii dan iv
20. Terdapat beberapa syarat utama yang telah dikenakan oleh pihak Inggeris sebelum mereka memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu **KECUALI**
- Inggeris akan memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu kepada mana-mana parti di negara ini
 - kemerdekaan ini hanya akan diberikan oleh pihak Inggeris
 - parti yang mengambilalih teraju pemerintahan negara mesti mendapat sokongan dari seluruh rakyat
 - rakyat Tanah Melayu perlu membuktikan bahawa telah wujud perpaduan di antara kaum di negara ini
21. Pilih faktor-faktor yang telah menyukarkan usaha kerajaan dalam mewujudkan perpaduan kaum di negara kita
- masalah penempatan
 - perbezaan agama dan kebudayaan
 - sistem pendidikan yang tidak seragam
 - taraf kerakyatan secara Jus Soli
- i dan ii
 - i , ii dan iii
 - ii , iii dan iv
 - iii dan iv

22. Pada tahun 1951 pihak Inggeris telah memperkenalkan Sistem Ahli dalam satu majlis mesyuarat yang lebih merupakan langkah awal Inggeris untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Majlis mesyuarat tersebut ialah
- Majlis Mesyuarat Kerja Negeri
 - Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan
 - Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan Persekutuan
 - Majlis Mesyuarat Kerajaan Persekutuan
23. Menurut peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia ada beberapa majlis yang ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu melicinkan urusan pentadbiran kerajaan seperti yang tersebut di bawah **KECUALI**
- Majlis Tanah Negara
 - Majlis Kewangan Negara
 - Majlis Angkatan Tentera
 - Majlis Amanah Rakyat
24. Berikut ialah unit yang **TIDAK** membantu Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan program-program yang terdapat di jabatan itu dengan lebih berkesan.
- MAMPU - Manpower and Administration Planning Unit
 - SERU - Socio - Economic Research Unit
 - TERPU - Technology and Economic Research and Planning Unit
 - EPU - Economic Planning Unit
25. Proses sesuatu dasar undang-undang untuk diwartakan sebagai dasar atau Undang-undang Persekutuan perlulah menerusi proses berikut iaitu
- Kementerian - Dewan Rakyat - Dewan Negara - Yang Di Pertuan Agung
 - Dewan Rakyat - Dewan Negara - Yang Di Pertuan Agung - Kementerian
 - Ahli Kabinet - Dewan Rakyat - Dewan Negara - Yang Di Pertuan Agung
 - Dewan Rakyat - Dewan Negara - Yang Di Pertuan Agung - Ahli Kabinet
26. Perlembagan Tanah Melayu 1957 telah dirangka oleh Suruhanjaya Reid yang dianggotai oleh mereka yang tersebut di bawah iaitu
- Sir Ivor Jennings, Sir William Mackell, Hakim Abdul Hamid dan A. Malik
 - Sir Andrew Clarke, Sir Frank Swettenham, Hakim Abdul Hadi dan A. Malik
 - Sir Hugh Low, Sir Donald Mac-Gillivray, Hakim Abdul Rasheed dan S. Malik
 - Sir Cecil Clementi, Sir Lennox Boyd, Hakim Abdul Kareem dan H. Malik

27. Konsep pembinaan sesuatu negara bangsa itu tidak akan tercapai melainkan semua tahap berikut telah dilalui **MELAINKAN**
- State Building* (Bina Negara)
 - Nation Building* (Bina Bangsa)
 - Mass Participation* (Penglibatan Rakyat)
 - Historical Valuation* (Penilaian Sejarah)
28. Dasar Pendidikan Kebangsaan telah dipinda beberapa kali untuk memenuhi keperluan semasa dan kehendak masyarakat majmuk di negara ini. Nyatakan laporan yang menjadi asas kepada penggubalan Akta Pelajaran 1961.
- Laporan Fern-Wu
 - Laporan Razak
 - Laporan Rahman Talib
 - Laporan Kabinet
29. Program Pembangunan Luar Bandar yang juga dikenali sebagai Rancangan Buku Merah telah diperkenalkan oleh tokoh berikut iaitu
- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
 - Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein
 - Tun Hussein Onn
 - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad
30. Berikut ialah prinsip-prinsip yang digariskan untuk membentuk kebudayaan nasional sebagaimana yang terkandung dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan iaitu
- kebudayaan penduduk asli mestilah dijadikan asas kebudayaan nasional
 - ciri-ciri kebudayaan lain yang bersesuaian boleh diterima dan digabungkan dalam kebudayaan nasional
 - kebudayaan nasional hanya perlu digubal berdasarkan kepada kebudayaan penduduk peribumi negara ini semata-mata
 - ciri-ciri kebudayaan dari negara lain yang sesuai boleh dicantumkan dalam kebudayaan nasional
- i dan ii
 - i dan iii
 - i, ii dan iii
 - iii dan iv

31. Apakah dasar negara yang telah menjadi pandu arah **UTAMA** dalam usaha kerajaan untuk mewujudkan keseimbangan ekonomi dalam masyarakat serta menghapuskan pengenalan ekonomi mengikut kaum?
- Dasar Pertanian Negara
 - Dasar Ekonomi Baru
 - Dasar Persyarikatan Malaysia
 - Dasar Penswastaan
32. Satu dari dasar berikut telah diperkenalkan oleh kerajaan di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mempertingkatkan kecekapan serta memperbaiki mutu perkhidmatan kerajaan iaitu
- Dasar Pandang Ke Timur
 - Dasar Persyarikatan Malaysia
 - Dasar Penswastaan
 - Wawasan 2020
33. Berikut ialah matlamat kerajaan yang paling **PENTING** dalam memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur.
- Agar rakyat negara ini boleh mengimbas kembali zaman pendudukan Jepun dahulu
 - Menyemai budaya dan semangat kerja yang tekun dan cekap di kalangan rakyat Malaysia
 - Mengalih perhatian rakyat dari hanya memberikan tumpuan kepada dunia Barat
 - Menerapkan cara hidup orang-orang Jepun dan Korea ke dalam masyarakat Malaysia
34. Dasar Persyarikatan Malaysia diperkenalkan dengan tujuan untuk memupuk kerjasama erat di antara dua sektor ini untuk membangunkan negara. Kedua-dua sektor yang dimaksudkan ialah
- Sektor ekonomi dan politik
 - Sektor awam dan swasta
 - Sektor perindustrian dan pertanian
 - Sektor bandar dan luar bandar
35. Pengertian “sebuah badan bebas yang bertujuan mengawak operasi sesuatu badan atau siasatan sesuatu kes” ada mendefinisikan badan pentadbiran berikut iaitu;
- Majlis
 - Kerajaan Tempatan
 - Badan Berkanun
 - Suruhanjaya

36. Pelan Induk Perindustrian (PIP) merupakan teras kepada Dasar Perindustriaian Negara. Pilih satu dari kenyataan berikut yang **BUKAN** merupakan matlamat PIP.
- Peranan sebagai pemangkin pertumbuhan industri negara diserahkan kepada sektor perkilangan
 - Penggunaan sumber-sumber asli negara digalakkan sepenuhnya
 - Tahap penyelidikan dan pembangunan teknologi tempatan ditingkatkan
 - Perkembangan pesat sektor industri pembuatan diberikan penekanan
37. Sesuatu **JADUAL** dalam Perlembagaan Malaysia berfungsi sebagai
- memberikan takrifan sesuatu perkara secara umum
 - menerangkan secara terperinci tentang proses dan pelaksanaan sesuatu perkara
 - menyatakan kedudukan unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan
 - menyatakan kedudukan Yang Di Pertuan Agong sebagai Raja Berpelembagaan
38. Dalam konteks kerajaan Malaysia, Kerajaan Tempatan terletak di bawah bidang kuasa
- kerajaan negeri
 - pejabat daerah
 - kerajaan pusat
 - pentadbiran mukim
39. Semua yang berikut tergolong sebagai pemeliharaan unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan **KECUALI**
- kurikulum yang mewajibkan pendidikan Islam diajar di institusi pengajian tinggi
 - cuti umum pada Hari Pertabalan Yang Di Pertuan Agong
 - akta yang menghalang kedatangan para pelabur asing bagi menubuhkan firma di negara kita
 - mewajibkan penggunaan Bahasa Melayu di mahkamah
40. Dasar Pembangunan Nasional merupakan lanjutan dari dasar berikut iaitu
- Dasar Pertanian Negara
 - Dasar Ekonomi Baru
 - Dasar Perindustrian Negara
 - Wawasan 2020

SEKIAN

BAHAGIAN B: SOALAN-SOALAN ESEI PENDEK (30 MARKAH)
PILIH TIGA (3) SOALAN SAHAJA DAN JAWAB PADA KERTAS YANG
DISEDIAKAN

1. Berikan penerangan ringkas mengenai pandangan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengenai perlunya Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia pada tahun 1963.

(10 markah)

2. Apakah yang dimaksudkan dengan Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen. Bincang dan nyatakan ciri-cirinya.

(10 markah)

3. Perlembagaan Malaysia wujud sebagai undang-undang tertinggi negara ini.
Berikan secara ringkas ciri-ciri yang wujud pada perlembagaan tersebut.

- Struktur
- Kewujudan
- ...

(10 markah)

- 4) Jelaskan dengan ringkas ciri-ciri yang menjadikan sejarah sebagai salah satu disiplin ilmu.

(10 markah)

BAHAGIAN C: SOALAN ESEI PANJANG (30 MARKAH)**PILIH SATU (1) SOALAN SAHAJA.**

1. "Singapura merupakan sebuah negara yang boleh dikatakan sebagai tidak berterima kasih dan tidak menghormati Malaysia sebagai jiran terdekatnya".
Berikan pandangan anda mengenai kenyataan di atas dan kaitkan dengan hubungan Malaysia-Singapura kini. Perbincangan anda perlu menggunakan contoh-contoh sejarah perkembangan negara itu sejak tahun 1963 dan peristiwa-peristiwa semasa.
(30 markah)

2. Dengan merujuk kepada Pelan Induk Perindustrian (PIP) yang telah diperkenalkan pada tahun 1986, bincangkan dengan kritis usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan dalam mengubah negara kita dari negara pertanian kepada negara perindustrian.
(30 markah)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



BORANG JAWAPAN OBJEKTIF

NAMA KURSUS:

NO. Matrik:

KOD KURSUS:

NO. KAD PENGENALAN:

1	A	B	C	D	E	26	A	B	C	D	E	51	A	B	C	D	E	76	A	B	C	D	E
2	A	B	C	D	E	27	A	B	C	D	E	52	A	R	C	D	E	77	A	B	C	D	E
3	A	B	C	D	E	28	A	B	C	D	E	53	A	B	C	D	E	78	A	B	C	D	E
4	A	B	C	D	E	29	A	B	C	D	E	54	A	B	C	D	E	79	A	B	C	D	E
5	A	B	C	D	E	30	A	B	C	D	E	55	A	B	C	D	E	80	A	B	C	D	E
6	A	B	C	D	E	31	A	B	C	D	E	56	A	B	C	D	E	81	A	B	C	D	E
7	A	B	C	D	E	32	A	B	C	D	E	57	A	B	C	D	E	82	A	B	C	D	E
8	A	B	C	D	E	33	A	B	C	D	E	58	A	B	C	D	E	83	A	B	C	D	E
9	A	B	C	D	E	34	A	B	C	D	E	59	A	B	C	D	E	84	A	B	C	D	E
10	A	B	C	D	E	35	A	B	C	D	E	60	A	B	C	D	E	85	A	B	C	D	E
11	A	B	C	D	E	36	A	B	C	D	E	61	A	B	C	D	E	86	A	B	C	D	E
12	A	B	C	D	E	37	A	B	C	D	E	62	A	B	C	D	E	87	A	B	C	D	E
13	A	B	C	D	E	38	A	B	C	D	E	63	A	B	C	D	E	88	A	B	C	D	E
14	A	B	C	D	E	39	A	B	C	D	E	64	A	B	C	D	E	89	A	B	C	D	E
15	A	B	C	D	E	40	A	B	C	D	E	65	A	B	C	D	E	90	A	B	C	D	E
16	A	B	C	D	E	41	A	B	C	D	E	66	A	B	C	D	E	91	A	B	C	D	E
17	A	B	C	D	E	42	A	B	C	D	E	67	A	B	C	D	E	92	A	R	C	D	E
18	A	B	C	D	E	43	A	B	C	D	E	68	A	B	C	D	E	93	A	B	C	D	E
19	A	B	C	D	E	44	A	B	C	D	E	69	A	B	C	D	E	94	A	B	C	D	E
20	A	B	C	D	E	45	A	B	C	D	E	70	A	B	C	D	E	95	A	R	C	D	E
21	A	B	C	D	E	46	A	B	C	D	E	71	A	B	C	D	E	96	A	B	C	D	E
22	A	B	C	D	E	47	A	B	C	D	E	72	A	B	C	D	E	97	A	B	C	D	E
23	A	B	C	D	E	48	A	B	C	D	E	73	A	B	C	D	E	98	A	B	C	D	E
24	A	B	C	D	E	49	A	B	C	D	E	74	A	B	C	D	E	99	A	B	C	D	E
25	A	B	C	D	E	50	A	B	C	D	E	75	A	B	C	D	E	100	A	B	C	D	E